

'Kantoi' celup ikan dalam pewarna supaya nampak segar

Kota Kinabalu: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) mengesahkan seorang peniaga ikan menggunakan bahan pewarna dipercayai untuk 'mencantikkan' ikan yang dijualnya di Pasar Malam Inanam dekat sini, malam kelmarin.

Ia susulan pemeriksaan yang dijalankan anggota Jabatan Kesihatan Persekutuan Bandaraya (JKPB) DBKK bersama Pejabat Kesihatan Kota Kinabalu berikutan laporan di media sosial mengenai tindakan peniaga ikan meletakkan bahan pewarna dalam tong ikan, sehari sebelum itu.

Menerusi satu kenyataan, Ketua Pengarah DBKK Junainah Abbie berkata, semua 20 lot gerai menjual ikan di pasar malam terbabit diperiksa sebelum peniaga yang disyaki menggunakan pewarna di kesan.

Beliau berkata, sampel ikan yang dijual kemudian diambil oleh anggota Pejabat Kesihatan Kota Kinabalu untuk siasatan lanjut Kementerian Kesihatan (KKM) sama ada pewarna terbabit berbahaya atau tidak.

"DBKK melakukan pemeriksaan



di Pasar Malam Inanam susulan aduan pewarna yang digunakan pada ikan yang dijual dan kita dapat mengesahkan penjaja yang disyaki menggunakan pewarna untuk mewarnakan ikan.

"Sampel ikan dibawa ke makmal oleh pihak KKM untuk siasatan lanjut dan hasilnya nanti akan dimaklumkan kepada JKPB DBKK untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, jika bahan pewarna yang digunakan mengandungi bahan berbahaya, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap peniaga yang menggunakan bahan berkenaan.

Pemeriksaan di Pasar Malam Inanam itu katanya, dijalankan seramai enam anggota JKPB DBKK yang diketuai Pegawai Teknologi Makanan Addrian Ijom bersama empat anggota Bahagian Penjaja Jabatan Pelesenan DBKK dan tujuh anggota Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu yang diketuai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Rozita Ibrahim.

Junainah berkata, DBKK bersama KKM akan memperluaskan lagi operasi itu di semua lokasi menjual ikan di sekitar bandar raya ini bagi memastikan peniaga ikan tidak menggunakan bahan yang bo-



PENGUAT KUASA DBKK melakukan pemeriksaan.

leh menjelaskan kesihatan pengguna.

Sebelum ini, tular perbuatan peniaga ikan di pasar malam menggunakan bahan pewarna yang dipercayai untuk menjadikan ikan kelihatan segar dengan kebiasaan mereka menggunakan pewarna merah untuk mencelup

ikan yang berwarna merah, seperti ikan mata besar atau lebih dikenali sebagai ikan 'Uji Rashid' di Sabah.

Tindakan itu dipercayai bagi mengaburi pengguna dengan mendakwa ikan yang dijual mereka masih baharu dan segar berikut warna merahnya yang lebih terang.